

intreperasinya dan penggunaannya adalah betul dan tepat. Tidak dinafikan terdapat penyampai yang tidak membaca sebarang nas, tetapi semua kandungannya berepatan dengan Al-Quran dan hadith. Kesimpulannya, kebijaksanaan anda dalam memilih adalah amat perlu dalam hal ini.

6. Setelah mendapat sesuatu ilmu atau kesimpulan dari sesuatu penyampaian, janganlah terlalu taksud atau ikut sehingga mengunci fikiran dan minda dari sebarang pandangan ilmu lain yang berbeza.
7. Sampaikan ilmu yang diperolehi dengan amanah dan tidak mengubah suainya sesuka hati serta menisbahkannya kepada penyampai asal. Ia dengan mudah boleh mengakibatkan salah faham dan kesan buruk kepada penyampai asal. Banyak terjadi, sesuatu dakwaan dinisbahkan kepadanya sedangkan ia adalah hasil ubahsuaai pendengar atau anak muridnya.

Ada guru yang mengajar dan menjawab kemusykilan atas kemampuan khalayaknya. Ada yang mengelak bercakap tentang perbezaan pendapat, ada yang tak sebut yang ini hadith shahih, hadith lemah, hadith palsu, yang ini ayat Al-Quran, yang ini pendapat pengasas imam mazhab, yang ini pendapat ulama dalam mazhab dan sebagainya.

Ada yang ditanya tentang perbezaan pendapat, dia akan membawa khalayak agar mengelak daripada berfikir mengenainya, atau terus menyatakan perlu berpegang kepada satu pendapat dan menyatakan pendapat lain itu di luar mazhab kita, jangan buat. Akhirnya, orang yang bertanya menjadi semakin keliru. Itulah pentingnya untuk kita belajar bukan hanya dengan seorang guru, tetapi

pelajarilah dengan beberapa guru untuk menilai pendapat yang mana yang terbaik.

Bagaimana pula mengenal guru kuliah / ustaz / ustazah yang bagus untuk dapatkan pendapat tapan? Mereka sepatutnya menepati ciri-ciri berikut:

1. Sentiasa merujuk sumber daripada Al-Quran dengan tafsiran yang disepakati ramai, hadith-hadith daripada kitab-kitab hadith yang disepakati ramai serta dinyatakan status hadithnya, petunjuk empat khalifah awal Islam serta para sahabat, qias perbandingan dengan apa yang disebut dalam Al-Quran dan hadith, para ulama terawal yang disebut sebagai generasi salaf, serta kesepakatan para ulama terkemudian.
2. Sentiasa meneladani rujukan di atas dalam amalan ibadat dan ahklaknya.
3. Menjaga adab dalam perbezaan pendapat dan perdebatan.


Cara penyampaian sang guru adalah pelbagai, tahap ilmu mereka juga adalah pelbagai. Oleh sebab itu, kita digalakkan belajar dengan ramai guru. Makin kita belajar, makin banyak rasanya kita tak tahu dan nak tahu serta perlu tahu.

Proses pembelajaran tidak sepatutnya terhenti selagi mana hayat masih ada. Sama-sama kita berdoa agar dipermudahkan untuk mendapat ilmu yang benar serta diredhai Allah SWT seterusnya dapat kita bermalah dengannya demi mendapat keredhaan Allah SWT. Wallahu'alam bissawab.

Risalah ini bebas untuk dibuat salinan dan disebarluaskan semula. Sebarkanlah untuk bersama-sama menambah bekal menuju Syurga Allah.

Layari <http://el-ilmy.net> untuk risalah akan datang.

EL-ILMY



Siri Risalah Seruan Meningkatkan Ilmu Islam (Bil. 1, 2011)

Ilmuku dan Amalku Cukupkah untuk ke Syurga-Mu?

Setujukah anda? Bahawa anda tidak boleh lari daripada bertujuan hidup di dunia sementara ini adalah untuk mendapat redha Tuhan yang menjadikan anda, iaitu Allah SWT. Dengan redha-Nya, Dia akan mengasih anda, bila Dia mengasih anda, insyaAllah di hayat kekal abadi nanti, Dia akan limpahkan kasih sayang-Nya kepada anda di syurga.

Setujukah anda? Bahawa untuk mendapat redha Allah SWT, anda mestilah redha bahawa Allah adalah Tuhan seluruh alam ini, yang tiada selain-Nya layak diibadahi. Anda mestilah redha bahawa Islam adalah cara hidup terbaik untuk anda dan anda mestilah redha bahawa Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم adalah utusan Allah untuk memperkenalkan Allah dan Islam kepada kita semua. Redha, bukanlah semata-mata mengakui, tetapi juga adalah yakin tanpa sangsi dan was-was akan perkara ini.

Setujukah anda? Bahawa untuk anda redha yang Allah adalah Tuhan anda, anda mestilah mentaati-Nya, patuh kepada suruhan-Nya, tunduk kepada larangan-Nya, memupuk perasaan cinta kepada-Nya serta berkeinginan untuk mendapat kasih sayang-Nya.

Setujukah anda? Bahawa untuk anda redha yang Islam adalah cara hidup terbaik untuk anda, anda mestilah mengamalkan cara hidup yang

ditunjukkan dalam Islam bukan hanya mengikut orang, bukan hanya mengamalkan sebahagian dan meninggalkan sebahagian yang lain, tetapi berusaha mengamalkan seluruhnya dengan perasaan penuh rela dan ikhlas mengamalkannya.

Setujukah anda? Bahawa untuk anda redha yang Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم adalah utusan Allah bagi memperkenalkan Allah dan Islam kepada kita semua, anda mestilah menjadikan baginda sebagai ikutan dalam setiap amalan seharian.

Setujukah anda? Bahawa untuk bersetuju dengan semua ini, anda mestilah mempunyai ilmu, yang sebenarnya anda tidak dapat kesemuanya ketika belajar di sekolah sahaja, tetapi mestilah diteruskan usaha mendapatkan ilmunya sepanjang hayat. Dan ilmu itu tidaklah boleh lari daripada panduan utama, iaitu Al-Quran dan hadith yang shahih datangnya daripada Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم dan mereka yang berpegang kepada dua panduan utama ini.

Ayat 86, Surah Az-Zukhruf bermaksud: *"Dan sembahlah sembahlah yang mereka sembah selain Allah tidak dapat memberi syafa'at; akan tetapi (orang yang dapat memberi syafa'at ialah) orang yang mengakui yang hak (tauhid) dan mereka mengetahuinya."*

Bila kita mengakui, mempercayai dan meyakini Allah yang hak/benar, maka kita mestilah mengetahuinya, mestilah mempunyai ilmu mengenai apa yang kita percaya dan apa yang kita amalkan.

Menurut Dr. Abdul Karim Zaidan dalam bukunya "Ushul Al-Da'wah", bila kita mengucapkan kalimah syahadah: "**Aku bersaksi tiada Tuhan yang berhak diibadahi melainkan Allah dan aku bersaksi sesungguhnya Muhammad adalah pesuruh Allah**", terdapat lima perkara penting yang memaksudkan kesaksian itu, iaitu:

1. Aku i'tiraf / aku mengakui
2. Aku berikrar / aku berjanji
3. Aku beri'tiqad / aku berkeyakinan
4. Aku berilmu / **aku mengetahui**
5. Aku menyatakan dalam bentuk sikap

Jika kita masukkan semua maksud kesaksian itu, sepatutnya beginilah pegangan kita: "**Aku mengakui, aku berjanji, aku berkeyakinan, aku mengetahui bahawa tiada tuhan yang berhak diibadahi melainkan Allah dan aku mengakui, aku berjanji, aku berkeyakinan, aku mengetahui bahawa sesungguhnya Muhammad itu pesuruh Allah, dan aku nyatakannya dalam bentuk tindak tanduk dan perlakuan dalam kehidupanku.**"

Antara makna saksi yang paling utama adalah ilmu atau pengetahuan. Seseorang pasti tidak mampu memberi sesuatu penyaksian tanpa pengetahuan. Maksudnya, setiap orang yang sanggup untuk menjadi saksi bagi sesuatu kes di depan mahkamah mestilah mengetahui perkara yang akan dipersaksikannya.

Oleh itu, jika kita telah meletakkan "Aku bersaksi" di hadapan perkataan Allah dan

Muhammad **صلى الله عليه وسلم**, kita perlu bertanya: Sudah sampai di manakan ilmu kita tentang Allah dan Muhammad **صلى الله عليه وسلم** ?

Tahukah anda? Ilmu Islam ini amat luas. Apa yang anda pelajari ketika zaman persekolahan adalah sekadar asas sahaja. Untuk menjadi hamba Allah yang direndah oleh Allah bila tiba hari perhitungan kelak, anda mestilah mempertingkatkan ilmu pengetahuan anda dalam agama Islam supaya amal ibadahmu bertepatan dengan kehendak Allah. Bila ibadah dilakukan tidak sama dengan apa yang Allah kehendaki, mudahkah untuk Allah meredhaimu lalu merahmatimu hingga kemudiannya anda dimasukkan ke Syurga-Nya?

Tahukah anda? Bahawa Doa Iftitah yang anda baca setiap kali di awal solat sebenarnya ada beberapa belas doa yang thabit bahawa Nabi Muhammad **صلى الله عليه وسلم** dan para sahabatnya pernah baca di dalam solat, tetapi anda hanya diajar satu saja doanya yang mana ia hanya sekadar asas, anda sebenarnya boleh amalkan doa yang lain, tetapi anda tidak mengetahuinya.

Tahukah anda? Bahawa ketika rukuk dan sujud juga mempunyai beberapa bacaan yang thabit kepada baginda, tetapi anda hanya tahu salah satu daripadanya dan hanya itu saja yang anda ketahui dan amalkan sedangkan anda sebenarnya boleh amalkan bacaan-bacaan yang lain.

Tahukah anda? Bahawa ada beberapa doa yang baginda baca, sering baca dan tidak pernah tinggalkan untuk baca selepas selawat, sebelum memberi salam di dalam solat. Para sahabat turut membaca doa-doa itu, tetapi anda tidak pernah membacanya dan tidak pernah

mengetahuinya sedangkan anda sebenarnya patut membaca doa-doa itu.

Itu hanyalah sebahagian kecil yang disebutkan di dalam risalah ini untuk memberitahu kepada anda bahawa ilmu agama Islam yang anda perolehi di zaman persekolahan dahulu tidak memadai dan anda perlulah berusaha untuk menambahkannya seiring bertambahnya usia anda, seiring bertambahnya harta anda, seiring bertambahnya dosa dan pahala anda sepanjang kehidupan di dunia ini.

Marilah perkemaskan bekal menuju Syurga dengan mempertingkatkan ilmu di dada. Tetapi, **bagaimana sebenarnya cara nak mendapatkan ilmu?**

Zaman serba moden ini, para ustaz dan ulama juga terkehadapan dalam menyampaikan ilmu. Anda boleh perolehi ilmu agama melalui media-media baru seperti blog, facebook, youtube, webinar dan sebagainya selain buku-buku, majalah, akhbar, radio, televisyen dan cara lama iaitu berdepan dengan sang guru di dalam kuliah atau ceramah.

Media baru? Boleh percayakah? Sudah pasti, anda perlu bijak menapis maklumat yang disampaikan. Firman Allah s.w.t dalam ayat ke 18, surah Az-Zumar maksudnya; "*Yang mendengarkan perkataan lalu mengikuti apa yang paling baik di antaranya. Mereka itulah orang-orang yang telah diberi Allah petunjuk dan mereka itulah orang-orang yang mempunyai akal fikiran yang sejahtera (ulul albab).*"

Media baru hanyalah alat menyampaikan ilmu. Yang lebih penting adalah kandungan yang disampaikan melalui alat itu. Perhatikan ayat di atas. Untuk mendapat petunjuk dan tergolong dalam kalangan orang yang mempunyai akal fikiran yang sejahtera, kita sepatutnya mendengar ilmu

yang disampaikan, kemudian menggunakan akal fikiran kita yang ada untuk membuat tapisan.

Bagaimana menapis ilmu yang didengar, yang mana yang patut diikut? Ya, kita perlu tahu bagaimana membuat tapisan. Sedikit panduan tapisan yang boleh digunakan ialah:

1. Semak latar belakang penyampai dan kenali bidang apakah kepakaran beliau. Imam Malik Bin Anas berkata maksudnya "*Sesungguhnya pengambilan ilmu ini adalah agama, maka telitilah dari mana kamu ambilnya (ilmu) agamamu.*" (Siyar A'lam An-Nubala, 5/343)
2. Dapatkan ulasan dari ilmuan lain yang tidak 'memusuhi' penyampai yang anda ingin dengarinya. Ia penting untuk mendapatkan gambaran akan siapakah dia dan sejauh manakah ilmu yang disampaiakannya boleh diterima pakai.
3. Mendengar dengan faham penerangan sehingga habis dan tidak memotong separuh-separuh kerana ia mungkin sahaja akan menyebabkan perkataan penyampai difahami di luar konteksnya.
4. Jangan ambil serius sebarang cercaan yang dilontarkan oleh penyampai kepada mana-mana tokoh dan individu lain. Kebanyakannya dilontarkan secara tidak adil dan salah faham semata-mata.
5. Dapatkan penyampai yang mampu mengutarakan isi yang disertai dengan ayat Al-Quran dan hadith secara nasnya. Ia adalah sebaik-baiknya kerana ia akan mendekatkan anda dengan sumber asas. Namun, mempunyai nas tidak semestinya